

26 DEC 2002

Polis-Jalan

900 ANGGOTA POLIS DITUGASKAN SEMPENA RUMAH TERBUKA KRISMAS

MELAKA, 26 Dis (Bernama) -- Seramai 900 anggota polis pelbagai peringkat dan cawangan ditugaskan untuk mengawasi kelancaran perjalanan Rumah Terbuka Krismas Kebangsaan di Hang Tuah Mall, di sini Sabtu ini.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah ACP Mohamad Salim Abas berkata semua anggota dari Ibu pejabat Polis Daerah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah itu akan memulakan tugas masing-masing malam ini dengan beberapa jalan ditutup untuk kerja-kerja persiapan serta raptai petang esok.

"Dijangkakan berpuluh-puluh ribu kenderaan akan memasuki bandar Melaka pada Sabtu ini dan orang ramai diminta sentiasa mengikut peraturan dan mematuhi arahan anggota yang bertugas," katanya pada sidang media mengenai penutupan beberapa jalan sempena majlis berkenaan.

Penutupan jalan akan dilakukan dalam tiga peringkat dengan peringkat pertama pada 12 malam ini bermula dari Jambatan Hang Tuah bagi tujuan membina pentas hiburan.

Mereka yang melalui jalan itu akan dilencongkan ke Jalan Kampung Hulu ke Jalan Pantai dan keluar melalui Melaka Raya atau ke Jalan Tun Tan Cheng Lock.

Peringkat kedua penutupan jalan bermula 3 petang esok yang melibatkan Jalan Tun Mamat, Ong Kim Wee, Jalan Ong Kee Hoon untuk raptai penuh majlis itu, katanya.

Peringkat ketiga pula melibatkan penutupan Jalan Munshi Abdullah dekat persimpangan lampu isyarat Jalan Bunga Raya, Jalan Temenggung di persimpangan Jalan Bukit Cina, persimpangan Jalan Tengker dekat persisiran Jalan Syed Abd Aziz mulai 3 petang Sabtu.

Semua jalan-jalan itu akan dibuka semula selepas selesai upacara sambutan rumah terbuka itu pada 12 malam Sabtu, kata Mohamad Salim.

Orang ramai digalakkan menggunakan kenderaan awam untuk ke rumah terbuka itu dan mereka yang menaiki kenderaan boleh meletakkan kenderaan di Tesco, Sek Men Pay Fong, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Pay Teck, Kampung Morten, Plaza Hang Tuah, Kampung Jawa, Kompleks Munshi Abdullah dan di hadapan bangunan Graha Maju.

Beliau berkata polis turut menyediakan beberapa lori penunda untuk menunda kenderaan yang diletakkan di kawasan tidak dibenarkan dan pemiliknya boleh menuntut kenderaan masing-masing di balai polis.

Dianggarkan 150,000 orang akan mengunjungi Rumah Terbuka Krismas Kebangsaan yang bermula 6 petang Sabtu ini.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid dijadualkan berangkat menhadiri majlis itu.

Turut dijadualkan menghadirinya Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Syed Ahmad Shahabudin dan Toh Puan Marfuza Sheikh Osman, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir bersama isteri masing-masing.

-- BERNAMA

SBS NAK